

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEGARA



Kata Editor

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF
PENGARANG BERITA

Bila penjual energy stick akan didenda?

TIDAK sabar mahu melihat penjual *energy stick* yang masih berdegil menjual produk penyedut hidung dikena denda maksimum RM25,000 atau masuk penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali.

Siasatan awal Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan produk tersebut bukan keluaran berdaftar oleh Pihak Berkusa Kawalan Dadah seperti peruntukan undang-undang di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

Maka penjualan produk kesihatan yang tidak berdaftar itu melanggar Peraturan 7(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Bagi KKM telah memberi amaran keras kepada penjual *energy stick* supaya segera menghentikan penjualan produk itu dan merurunkan iklan di platform online, namun ia seolah-olah tidak menakutkan mereka.

Malah Persatuan Ahli Farmasi Malaysia mendedahkan, produk penyedut hidung itu mengandungi bahan ketagih yang boleh merisikokan kesihatan.

Bagaimanapun, *energy stick* berharga serendah RM2.50 dalam pelbagai perisa itu masih terus dijual. Mereka seolah-olah tidak menghiraukan amaran yang diberikan.

+ Asalkan mereka boleh buat duit banyak melalui penjualan *energy stick* terutama kepada pelajar sekolah yang dilihat lebih tertarik untuk menggunakan produk itu kononnya mampu menambah tenaga dan menghilangkan ngantuk.

Jika penjual mempunyai rasa tanggungjawab, mereka tidak menjual produk dua corong itu kepada pelajar sekolah kerana ia berisiko menjadi satu permulaan kepada remaja untuk menghisap vape ataupun menjadi penagih dadah.

Banyak lagi produk lain yang boleh dijual dan mendatangkan keuntungan, mengapa perlulah memilih *energy stick*? Sebab mudah dan senang menarik perhatian golongan remaja yang sentiasa mahu mencuba benda baharu.

Kanak-kanak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya mereka di sekolah yang menyedut *energy stick*. Sebab itu ada yang meminta ibu bapa membelikan produk itu. Bagi mereka, ia mungkin satu trend terbaru.

Gejala ini jika tidak diakal lebih awal, tidak mustahil ia akan menjadi barah pada masa depan. Adakah kita mahu melihat setiap kanak-kanak di hidung mereka tersumbat *energy stick* sepanjang masa termasuk di sekolah?

Ketika ini pun, penggunaan vape semakin berleluasa dalam kalangan remaja termasuk golongan wanita. Mereka yang tidak menghisap rokok pun turut terpengaruh. Vape dijual secara meluas kerana mendatangkan keuntungan besar kepada peniaga.

Jadi, kita tidak mahu produk penyedut hidung itu pula digunakan secara meluas dalam kalangan remaja. Langkah Kementerian Pendidikan melarang pelajar sekolah menggunakan *energy stick* adalah satu tindakan yang tepat.

Ada sekolah yang dilihat telah bertindak tegas dengan melakukan pemeriksaan dan merampas *energy stick* yang dibawa pelajar. Ibu bapa juga mula sedar bahaya penggunaan produk itu.

Cuma sekarang tindakan tegas terhadap penjual dan pembekal perlu segera diambil. Tiada pembekal atau penjual, maka permintaan tidak akan wujud. Punca masalah utama perlu dikenal pasti bagi mengatasi masalah ini.

Jangan sekadar mengulangi skrip 'akan', 'akan' dan 'akan' mengambil tindakan tegas terhadap penjual *energy stick*, tetapi tiada siapa pun dikenakan hukuman.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL



Zolgensma digunakan untuk merawat penyakit atrofi otot spina (SMA) yang telah tersenaraikan dalam senarai penyakit jarang jumpa di Malaysia.

KKM lulus produk Zolgensma, QDENGGA

PUTRAJAYA - Mesyuarat Pihak Berkusa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-393 pada Khamis buat pertama kalinya meluluskan pendaftaran produk terapi sel dan gen (CGTP) iaitu Zolgensma, sejak kawalan ke atas produk itu dikuatkuasakan pada 1 Januari 2021.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kelulusan itu diberikan susulan penyakit atrofi otot spina (SMA) telah tersenaraikan dalam senarai penyakit jarang jumpa Malaysia dan produk Zolgensma yang digunakan untuk merawat penyakit berkenaan telah diberikan status *Orphan Medicine*.

"Ia melayakkkan produk Zolgensma diberi keutamaan dalam proses pernilaian oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian

Kesihatan (KKM) bagi membolehkan akses segera kepada pesakit yang memerlukan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Zolgensma ialah terapi gen ber-asaskan vektor *adeno-associated* virus untuk tujuan rawatan kepada pesakit SMA dalam kalangan kanak-kanak berumur kurang dari dua tahun.

SMA merupakan sejenis penyakit jarang jumpa neuromuskular yang diwarisi dan menyebabkan kelemahan kekuatan fizikal pesakit serta boleh menyebabkan kelumpuhan.

Dr Muhammad Radzi berkata, mesyuarat PBKD turut bersetuju memberikan kelulusan pendaftaran bersyarat kepada produk vaksin dengan iaitu QDENGGA untuk digunakan bagi mencegah demam dengan dalam kalangan individu berumur empat ta-

hun dan ke atas.

Beliau berkata, produk itu dipersejui selepas PBKD berpuas hati dengan hasil penilaian terhadap keberkesanannya, keselamatan dan kualiti produk serta langkah pemantauan yang akan dilanjutkan oleh PRH setelah ia didaftarkan.

Melalui pendaftaran bersyarat itu katanya, pihak PRH perlu mengemukakan data pemantauan keberkesanannya dan keselamatan vaksin QDENGGA dari masa ke masa setelah ia digunakan dalam pasaran Malaysia.

"Hal ini membolehkan NPRA membuat pemantauan berterusan terhadap kedua-dua aspek tersebut untuk memastikan perbandingan manfaat-risiko bagi vaksin QDENGGA kekal positif," kata Dr Muhammad Radzi. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Ketua jabatan perlu sentiasa turun padang dengar keluh-kesah rakyat

KANGAR - Program turun padang oleh ketua-ketua jabatan bagi mendengar keluh-kesah rakyat perlu terus dilaksanakan dan ditambah baik dari semasa ke semasa, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Menurut beliau, inisiatif tersebut dapat mencari solusi terbaik dalam menyelesaikan isu rakyat selain dilihat sebagai usaha yang berupaya me-



LUKANISMAN

noktahkan kemiskinan di negeri ini.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sempena Program Kayuhan MAIPs Peduli yang diketuai Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamallulail di sini pada Jumaat.

Lukanisman berkata, beliau juga tertarik dengan inisiatif yang di-

laksanakan MAIPs dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Perlis dalam menyediakan sarungan kesihatan percuma kepada golongan asnaf menerusi program itu.

Sementara itu, pada program tersebut Tuanku Syed Faizuddin Putra turut berkenan menyampaikan sumbangan berupa bantuan tunai, kit MAIPs Peduli, beras dan kipas angin kepada tiga asnaf terpilih.

Baginda turut meluangkan masa melawat ke Lembah Saerah Resort di Kampung Binjal, Utan Aji yang merupakan lokasi tumpuan pelancongan baharu di negeri ini. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NEGERI

Tindakan tegas jika biar lembu berkeliaran di sekitar hospital

SABAK BERNAM - Kerajaan negeri akan mengambil tindakan tegas terhadap penternak yang membiarkan lembu mereka menceroboh Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) Sabak Bernam.

Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna, Datuk Rizam Ismail berkata, haiwan ternakan itu dikesan berkeliaran di hospital pada waktu malam sejak sebulan lalu.

"Hospital adalah kawasan larangan dan pemilik sepatutnya tidak boleh membiarkan lembu mereka berkeliaran.

"Pihak hospital ada menghantar gambar dan saya dapat ratusan lembu dibarkan meragut rumput di sini," katanya ketika ditemui selepas operasi bersepuduh di HTAJ Sabak Bernam pada Khamis.

Operasi kira-kira jam 10 malam disertai agensi penguat kuasa terdiri daripada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.

Rizam berkata, beberapa penternak yang menyedari kehadiran penguat kuasa segera memindahkan haiwan mereka ke lokasi lain.

Jelas beliau, pihaknya sudah memanggil dan menegur sikap penternak terbabit.



Sebahagian lembu menceroboh masuk di kawasan HTAJ pada waktu malam.

"Kita nasihat dan jika masih berlaku, tindakan lebih tegas dikenakan termasuk merampas dan mengenaikan kompaun," kata beliau.

Menurutnya, haiwan ternakan sepatutnya ditambat dan tidak boleh dibarkan pada jarak kurang dua kilometer dari premis kerajaan atau tempat awam.

Sehubungan itu, katanya, beliau mencadangkan kerajaan negeri mengkaji semula Seksyen 5(1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971.

"Ini bagi memastikan enakmen berkenaan berfungsi kerana kesalahan membiarkan haiwan berkeliaran hanya dihukum penjara setahun dan denda maksimum RM1,000.

"Saya berharap enakmen lebih tegas dapat diambil bagi memberi kesedaran kepada penternak," katanya.

Dalam pada itu, beliau merancang mengadakan sesi perjumpaan bersama beberapa penternak lembu bagi mendengar permasalahan dihadapi dan mencari jalan penyelesaian sewajarnya.

"Jika mereka tiada tempat dan ada lambakan lembu, mungkin saya boleh berbincang dengan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dan MDSB untuk melihat tanah kerajaan yang boleh disewa untuk dijadikan padang ragut dengan memenuhi syarat yang ditetapkan," tambahnya.